

23/11/1998

Perhimpunan luahkan perasaan

KANGAR, Ahad - Pelbagai pertubuhan politik dan bukan kerajaan (NGO) di negeri ini mengadakan perhimpunan secara aman bagi melahirkan ketidakpuasan hati terhadap kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore, baru-baru ini.

Pertubuhan itu termasuk Umno, MCA, MIC, Gabungan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC), Gerakan Belia 4B Negeri serta Tamel Bell (Hindu) menyertai perhimpunan yang diadakan di kawasan letak kenderaan Taman Sena Indah, Simpang Tiga, dekat sini, hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa bertindak NGO Rakyat Perlis, Hashim Suboh, berkata semua pertubuhan terbabit yang kesal dengan kenyataan Gore yang disifatkan sebagai keji, jijik dan celupar berikrar untuk berdiri teguh di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, tindakan Gore mengecam kerajaan dan Perdana Menteri itu sungguh mengecewakan dan sekali gus menuntut rakyat negara ini termasuk Perlis bertindak mempertahankan maruahnya sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat.

"Biarapun perhimpunan ini dan kenyataan yang dibuat oleh kita pada hari ini tidak langsung menakut atau menggerunkan Amerika Syarikat, tetapi ia adalah sebagai sokongan padu rakyat negara ini termasuk Perlis kepada kerajaan dan kepimpinan Perdana Menteri.

"Ini kerana kita (rakyat) tidak rela maruah kita dihina dan kemerdekaan negara ini dipermainkan oleh orang asing terutama Amerika Syarikat," katanya yang juga Pengerusi Gerakan 4B Negeri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengetuai perhimpunan membabitkan ribuan rakyat Perlis yang mewakili pertubuhan berkenaan hari ini.

Turut hadir, Timbalan Pengerusi MAYC Negeri, Baharuddin Ahmad yang juga Setiausaha Politik Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

(END)